

Pandemik Covid-19, Norma Baharu dan Cabaran Wartawan Berita Kesihatan di Malaysia

ROHANA AMDAN
FADLI ABDULLAH
MD AZALANSHAH MD SYED
Universiti Malaya

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah mengubah rutin kehidupan manusia kepada suatu norma yang baharu. Perubahan tersebut mencetuskan pelbagai implikasi dan perselisihan pandangan dari sudut agama, sosial, peradaban, profesionalisme, dan hak asasi sejagat. Industri media dan kerjaya kewartawanan tidak terkecuali malahan turut menerima tempas kekangan ekonomi, pengurangan kakitangan sehingga membawa kepada penutupan agensi berita. Pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) norma baharu yang diperkenalkan telah disesuaikan dengan norma semasa yang akhirnya membawa kepada perubahan bilik berita dan rutin kerja wartawan. Kajian ini berbentuk penerokaan yang meneliti kerjaya wartawan berita kesihatan di Malaysia menyesuaikan aspek profesionalisme, norma kerja dan teknologi mereka ketika bertugas dalam situasi pandemik. Berdasarkan temu bual mendalam dengan wartawan, sub-editor dan editor berita kesihatan dari pelbagai agensi berita, kajian ini mendapati bahawa mereka mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dan keadaan semasa serta menanam norma fleksibiliti tanpa membelakangkan etika profesional. Dalam masa yang singkat, wartawan berita kesihatan dilihat mampu untuk bertindak dengan mengatur kerja secara jarak jauh atau dari rumah, perjumpaan dengan sumber berita secara dalam talian dan memperkukuhkan struktur bilik berita digital menerusi komunikasi maya dan aplikasi media sosial. Wartawan berita kesihatan di Malaysia juga dilihat mempunyai aspirasi dan jati diri yang tinggi dalam kerjaya mereka dengan meletakkan keutamaan kepada tanggungjawab sosial berbanding kebimbangan peribadi terhadap virus Covid-19.

Kata kunci: *Norma baharu, cabaran, Covid-19, wartawan berita kesihatan, budaya bilik berita.*

The Covid-19 Pandemic, New Norms and the Challenge of Health News Journalists in Malaysia

ABSTRACT

The Covid-19 pandemic has changed the routine of human life to a new norm. The changes sparked various implications and differences of opinion in terms of religion, social, civilization, professionalism, and universal human rights. The media industry and journalism careers are no exception and have also suffered from economic constraints, staff reductions leading to the closure of news agencies. Compliance with the Movement Control Orders and Standard Operating Procedures (SOPs) of the newly introduced norms have been adapted to the current norms which eventually led to changes in newsroom and journalistic work routines. This study is an exploration that examines the careers of health news journalists in Malaysia in adjusting aspects of their professionalism, work norms and technology while working in pandemic situations. Based on in-depth interviews with journalists, sub-editors and health news editors from various news agencies, the study found that they are able to adapt to current changes and circumstances, as well as cultivate norms of flexibility without compromising professional ethics. In a short time, health news reporters are seen to be able to act by

arranging work remotely or from home, adapting [to](#) online meeting with news sources and strengthening the structure of digital newsrooms through virtual communications and social media applications. Health news journalists in Malaysia are also seen to have high aspirations and self-esteem by prioritizing social responsibility over personal concerns over the Covid-19 virus.

Keywords: *New norms, challenges, Covid-19, health news reporter, newsroom culture.*

PENGENALAN

Pada akhir tahun 2019 dan awal tahun 2020, dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak Covid-19 yang menjangkiti hampir keseluruhan penduduk dunia sehingga menjadi satu pandemik. Penularan pandemik Covid-19 telah mengubah hampir keseluruhan rutin kehidupan manusia. Kesannya dapat dilihat pada pelbagai aspek termasuk dari segi ekonomi, sosial, politik dan juga kesihatan awam. Wabak Covid-19 turut memberikan kesan kepada bidang media khususnya bidang kewartawanan. Aktiviti mendapatkan berita dan gaya pelaporan dalam kalangan wartawan terpaksa disesuaikan dengan norma baharu. Antara wartawan yang paling terkesan dengan wabak Covid-19 secara tidak langsung adalah wartawan berita kesihatan (Bernadas & Ilagan, 2020). Covid-19 yang dilaporkan merebak secara global dari wilayah Wuhan, China telah memaksa institusi kewartawanan mengubah proses pemberitaan dengan cara lebih dinamik dan fleksibel. Justeru, perubahan yang berlaku ini telah memberi kesan kepada amalan kewartawanan dan rutin kebiasaan pekerjaan mereka.

Antara perubahan yang dapat dilihat dalam rutin pekerjaan mereka termasuk menjalankan pekerjaan dari rumah, penutupan pejabat dan bilik berita, dan juga pematuhan terhadap norma baharu dan garis panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Perreault dan Perreault (2021), terdapat wartawan yang terpaksa bekerja dari rumah disebabkan oleh pandemik. Proses pengumpulan maklumat dan penulisan berita juga terpaksa menggunakan sumber-sumber yang terhad. Keadaan ini sedikit sebanyak merumitkan lagi pekerjaan mereka disebabkan oleh keadaan persekitaran pekerjaan yang tidak kondusif (Abdullah, Rahmat, Zawawi, Khamsah, & Anuarsham, 2020; Bernadas & Ilagan, 2020). Bagi yang bertugas di lapangan pula, norma baharu dan SOP merupakan antara perubahan yang perlu diadaptasi oleh wartawan. Pelitup muka merupakan aksesori wajib yang perlu dipakai dalam menjalankan tugas di lapangan. Selain itu, tisu pembersih dan pensanitasi merupakan barangan yang sentiasa dibawa bersama selain kerap melakukan proses nyahkuman terhadap peralatan teknikal seperti kamera dan kenderaan selepas sesuatu liputan dijalankan (Duncan, Hook, Porter, Cornwell, & Gonzalez, 2020).

Keadaan ini membawa kepada cabaran baharu kepada profesion kewartawanan. Penjarakan sosial dan komunikasi secara maya menjadi norma baharu kepada para wartawan. Pada hari ini, kebanyakan perhubungan dengan sumber berita dilakukan secara maya dengan menggunakan platform media sosial. Sidang media dan taklimat fizikal secara bersemuka juga kebanyakannya dibatalkan dan diganti secara maya. Menurut Bernadas and Ilagan (2020), keadaan ini memberi kesan kepada capaian terhadap maklumat penting daripada sumber berita. Penjelasan lanjut tentang hal ini, mereka menyatakan, komunikasi yang dijalankan secara maya seperti sidang media di dalam talian tidak memungkinkan perbincangan yang lebih terbuka di antara wartawan dan organisasi. Ini agak sukar bagi wartawan untuk membuat pengesahan terhadap sesuatu maklumat. Keadaan ini secara tidak langsung

membawa kepada cabaran baharu kepada wartawan dalam menyampaikan maklumat terkini, tepat dan sahih kepada masyarakat.

Wartawan juga sentiasa berhadapan dengan cabaran kesihatan dan keselamatan pekerjaan akibat terdedah kepada jangkitan virus Covid-19 kerana membuat liputan di tempat awam, premis-premis hospital, pusat-pusat kuarantin, kawasan-kawasan komuniti, pejabat kerajaan dan sebagainya. Contoh, beberapa orang wartawan telah dilaporkan dijangkiti Covid-19 selepas pulang membuat liputan Pilihan Raya Negeri (PRN) di Sabah (Muhamad, 2020; Hakimi, 2020). Terkait dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan, aspek psikologi seperti rasa takut, trauma, ketidakstabilan emosi dan tekanan kerja merupakan antara cabaran yang turut dialami oleh setiap wartawan yang terpaksa keluar bertugas terutamanya di lapangan (Nee & Chacón, 2021).

Kajian ini secara umumnya cuba untuk melihat bagaimana fenomena ini berlaku di Malaysia. Dengan memberi fokus kepada wartawan berita kesihatan, objektif utama kajian adalah untuk meneroka perubahan rutin dan pekerjaan mereka dalam melaporkan berita kesihatan di Malaysia, terutamanya yang berkaitan dengan pandemik Covid-19 kepada masyarakat dan cabaran yang dihadapi. Secara keseluruhannya, kajian ini berharap dapat memberi gambaran yang jelas tentang cara wartawan berita kesihatan tempatan melakukan pekerjaan mereka dalam keterbatasan pergerakan yang disebabkan oleh penularan pandemik Covid-19 serta perubahan dan penyesuaian diri dengan keadaan semasa dan norma baharu.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Kajian lepas mengenai kewartawanan semasa pandemik kesihatan awam di Malaysia lebih berfokus kepada kandungan yang dihasilkan oleh media (Peng & Saleh, 2022), dan corak pemberitaan (Ismail, Aripin, & Sim, 2021; Pui & Balaraman, 2022). Walau bagaimanapun, kajian mengenai amalan kerja wartawan dan profesionalisme wartawan dalam situasi krisis atau pandemik kesihatan awam masih belum diterokai dengan lebih meluas (Libert, Le Cam, & Domingo, 2021). Justeru, penyelidikan ini cuba meneroka pengalaman dan melihat perubahan yang berlaku kepada amalan dan rutin pekerjaan wartawan ketika berdepan dengan krisis atau pandemik kesihatan awam khususnya Covid-19. Menurut Shoemaker dan Reese (2013), rutin pekerjaan wartawan adalah “praktik, bentuk, dan peraturan yang berpola, berulang, yang digunakan oleh pekerja media untuk melakukan pekerjaan mereka” (hlm.165). Dengan kata lain, rutin tersebut melibatkan proses penghasilan berita dari mengenal pasti peristiwa yang boleh dijadikan berita, pemilihan dan penyaringan maklumat sehinggalah kepada proses suntingan, penerbitan dan pengedaran. Kebiasaannya rutin tersebut berlaku di organisasi berita khususnya dalam bilik berita. Walau bagaimanapun, rutin seperti ini tidak statik dan boleh berubah-ubah mengikut keperluan dan situasi (Finneman & Thomas, 2021).

Dalam memahami perubahan dan cabaran yang berlaku dalam rutin kerja wartawan, konsep budaya bilik berita seringkali dilihat sebagai petunjuk kepada perubahan tersebut (Menke et al., 2016; Porcu, 2020). Penggunaan konsep yang sama turut digunakan untuk melihat perubahan dan cabaran yang berlaku kepada bidang kewartawanan ketika pandemik global (Guðmundsson, 2020; Miranda, Fidalgo, & Martins, 2021; Thompson, 2019). Dalam situasi pandemik Covid-19, berlaku perubahan di bilik berita kebanyakan negara di dunia apabila bilik berita terpaksa beroperasi secara minima, jumlah kakitangan yang bertugas secara fizikal terpaksa dikecilkan sehingga ditutup atas faktor kesihatan awam. Bilik berita di seluruh dunia berada di bawah tekanan kewangan, fizikal dan psikologi yang meruncing akibat

daripada pandemik Covid-19 (Garcia, Matos, & da Silva, 2021; Osmann, Selva, & Feinstein, 2021). Perubahan ini didorong oleh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penerapan budaya norma baharu seperti yang sedang dipraktikkan dalam kebanyakan negara untuk mengekang penularan virus Covid-19 dalam komuniti.

Wartawan terpaksa membiasakan diri dengan amalan bekerja dari rumah, menguruskan kerja secara *mobile* dan membuat penyesuaian diri terhadap teknologi media yang terkini bagi mengurangkan pertemuan fizikal, mengehadkan pergerakan di lapangan, menjaga penjarakan sosial dan sebagainya (Jukes, Fowler-Watt, & Rees, 2021; Nee & Chacón, 2021). Perkara ini jelas menunjukkan berlaku perubahan dalam amalan normatif kewartawanan. Rutin wawancara fizikal secara bersemuka terpaksa ditukar kepada wawancara secara bersemuka dalam talian. Contohnya, persidangan media fizikal ditukar kepada sidang media dalam talian menerusi video langsung Facebook, Zoom dan aplikasi persidangan video lain dan hebahan umum mengenai cara pencegahan wabak dijalankan secara webinar. Ini semua adalah contoh perubahan kesan daripada teknologi digital dan aplikasi media yang membolehkan wartawan melaporkan berita walaupun dalam tempoh PKP dan kuarantin (Bernadas & Ilagan, 2020).

Selain perubahan budaya bilik berita, perubahan corak pemberitaan turut mengalami perubahan disebabkan oleh ancaman kesihatan awam oleh penyakit berjangkit seperti SARS, H1N1, wabak campak enterovirus, virus Zika, Ebola, MERS-Cov dan yang terkini Covid-19. Liputan berita penyakit H1N1 contohnya, dilaporkan secara sensasi, dramatik dan negatif bagi sesetengah akhbar dengan memberi fokus kepada ancaman virus, seperti jumlah peningkatan kes harian, kes kematian dan penyebaran virus berbanding pelaporan terhadap aspek kawalan dan pencegahan (Hilton & Hunt, 2011; Klemm, Das, & Hartmann, 2016). Antara contoh pelaporan berita yang dilaporkan secara dramatik adalah seperti pelaporan berita berkenaan virus H1N1 dalam akhbar-akhbar di Malaysia menggunakan konsep abstrak seperti metafora dan kiasan untuk menyampaikan maklumat berkaitan wabak tersebut (Lakshmi et al., 2017). Sebaliknya dalam melaporkan isu berkaitan wabak selesema burung di Korea Selatan, kebanyakan akhbar utamanya menggunakan kaedah pbingkaian (*framing*) dengan memilih kewartawanan advokasi yang menumpu kepada tindakan pencegahan (Choi & McKeever, 2019). Sedikit perbezaan dalam kalangan negara membangun seperti di Guinea, Liberia dan Sierra Leone di Afrika Barat dalam melaporkan berita mengenai wabak Ebola, amalan kewartawanan pembangunan masih lagi menjadi pilihan tetapi tumpuan lebih kepada corak pemberitaan berbentuk pencegahan (Antwi-Boasiako, 2017). Mutakhir ini, pendekatan sedemikian mengalami perubahan menerusi pengubahsuaian dan pertukaran bingkai berita yang sejajar dengan matlamat untuk mengurangkan kesan pandemik kepada pembaca dan khalayak massa menerusi corak pemberitaan berkonsepkan kewartawanan membina atau konstruktif.

Corak pemberitaan membina dilihat banyak digunakan dalam pelaporan berita pandemik Covid-19 yang bertujuan untuk memberi keseimbangan kepada pelaporan yang bersifat negatif, stigma dan konspirasi (Astrid, 2020 & Le, 2021). Kewartawanan membina dilihat mirip kepada kewartawanan advokasi yang mempunyai matlamat serupa iaitu membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat (Aitamurto & Varma, 2018). Mereka mendidik orang ramai mengenai tindakan pencegahan yang harus diambil, apa yang tidak boleh dilakukan, gejala apa yang harus dicari, dan ke mana harus pergi jika dijangkiti. Dalam konteks pemberitaan ancaman krisis kesihatan awam, pendekatan kewartawanan membina boleh membentuk psikososial masyarakat untuk lebih positif terhadap kesukaran yang dihadapi sepanjang berhadapan dengan pandemik menerusi pendekatan pemberitaan

berasaskan penyelesaian yang mana wartawan menggunakan pelbagai kaedah untuk membantu masyarakat memahami masalah, mengemukakan kemungkinan penyelesaian dan cerita-cerita inspirasi orang lain dalam situasi yang serupa untuk meningkatkan motivasi masyarakat (Gong, Zanuddin, Hou, & Xu, 2021). Selain itu, penggunaan secara optimum kaedah penyampaian infografik dan aplikasi media sosial boleh membantu meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai virus tersebut (Soh, 2021).

Selain daripada perubahan dalam budaya bilik berita dan corak pemberitaan, perubahan rutin pekerjaan wartawan semasa situasi pandemik dapat dilihat menerusi fungsi dan peranannya. Umumnya, wartawan berperanan sebagai penyebar maklumat saintifik bidang persepsi risiko khususnya dalam situasi krisis kesihatan awam (Ihekweazu, 2017). Semasa wabak H1N1 2009, Klemm, Das, and Hartmann (2017), mendapati bahawa wartawan beralih dari peranan normatif pengawas (*watchdog*) kepada peranan kolaborasi iaitu bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha untuk mengatasi krisis kesihatan awam tersebut. Amalan yang sama turut dipraktikkan semasa pandemik Covid-19 di beberapa negara seperti Filipina, Kenya dan Mexico (Bernadas & Ilagan, 2020). Wartawan telah menjalin kerjasama dengan wartawan lain, ahli akademik dan anggota masyarakat untuk proses pencarian dan mengumpul maklumat akibat keterbatasan melakukan tugas lapangan. Finneman and Thomas (2021), misalnya mendapati terdapat wartawan akhbar mingguan terpaksa menyesuaikan diri dengan rutin pelaporan yang dijalankan secara harian untuk topik berita berkaitan Covid-19 berbanding rutin biasanya secara mingguan. Selain itu, wartawan turut dilihat menjalinkan kerjasama dan kolaborasi dengan ahli epidemiologi dan pemerintah menerusi platform media sosial untuk menyampaikan maklumat mengenai Covid-19 kepada masyarakat (Hammer, Boender, & Thomas, 2021; Perreault & Perreault, 2021). Sementara itu, peranan mereka sebagai pendidik kesihatan terus relevan walaupun dalam situasi krisis kesihatan awam. Misalnya, wartawan Ghana komited melaporkan wabak Ebola walaupun negara itu tidak merekodkan sebarang kes. Amalan ini bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai penyakit tersebut agar langkah-langkah pencegahan yang tepat dapat diambil bagi melindungi negara dari ancaman Ebola (Antwi-Boasiako, 2017). Namun, dalam situasi pandemik Covid-19, peranan wartawan dilihat berubah kepada peranan fasilitator (Perreault & Perreault, 2021). Peranan fasilitator maklumat saintifik bukanlah perkara baru, namun peranan tersebut begitu dominan ketika era pandemik Covid-19 berikutan fenomena infodemik yang dicituskan oleh penyebaran berita palsu menerusi pelbagai medium media sosial dan media dalam talian (Perreault & Perreault, 2021). Berikutan situasi ini menyebabkan rutin pekerjaan wartawan berubah kepada cabaran baharu iaitu memerangi berita palsu.

Berita palsu merupakan cabaran terbesar yang telah mengganggu-gugat rutin kerja wartawan semasa era pandemik Covid-19. Situasi ini amat berbeza dengan liputan media mengenai pandemik kesihatan sebelumnya yang mana surat khabar dan penerbitan media yang lain seringkali dikreditkan sebagai penyebar maklumat yang sahih kepada orang ramai (Sadri, Buzzelli, Gentile, & Billings, 2021). Dalam situasi semasa ini, banyak maklumat palsu telah disebar luaskan secara dalam talian oleh pelaku-pelaku yang tidak bertanggungjawab mahupun dalam kalangan kumpulan gerakan populis digital yang berkepentingan sehingga menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung sumber sahih dan kredibiliti wartawan profesional (Libert et al., 2021). Selain daripada penyebaran berita palsu, pemaparan tajuk-tajuk berita yang 'clickbait' sehingga menyebabkan masyarakat tidak mempercayai berita sahih yang dipaparkan oleh media arus perdana turut menggugat

profesionalisme wartawan. Perkara ini turut dipersetujui oleh Bernadas and Ilagan (2020), bahawa perkembangan teknologi digital media telah merumitkan lagi rutin kerja wartawan kerana mereka harus menangani penyebaran berita palsu berkaitan kesihatan. Kini, rutin pekerjaan wartawan bukan hanya menyampaikan maklumat kepada orang ramai, tetapi wartawan mempunyai tanggungjawab untuk menjadi penyemak fakta dan menepis serta membetulkan maklumat yang salah (Mustaffa, Sannusi, Hasan, Zuwairi, & Saad, 2017; Perreault & Perreault, 2021). Justeru, wartawan perlu terus mendukung profesionalisme kewartawanan dengan tetap mengikuti norma dan etika profesion iaitu melaporkan kebenaran dan berpegang kepada tanggungjawab sosial.

Wartawan turut menjadi figura penting ketika pandemik kerana mereka membentuk pemahaman masyarakat awam mengenai penyakit tersebut dan risikonya. Fungsi wartawan sebagai penulis berita berkaitan krisis kesihatan awam menerusi amalan profesional dan pengalaman mereka kurang mendapat tinjauan (Kim, 2020). Edimo (2016) berpandangan bahawa adalah penting untuk menambah lebih banyak kajian mengenai pengalaman hidup wartawan yang melaporkan berita mengenai wabak penyakit. Ini kerana pengalaman mereka boleh dijadikan amalan untuk latihan yang sesuai demi melengkapkan kompetensi setiap wartawan pada masa hadapan khususnya ketika menangani berita krisis kesihatan awam. Justeru, kajian yang dijalankan ini memberi sumbangan penting dalam usaha memahami tugas wartawan berita kesihatan di Malaysia. Antaranya termasuklah pengalaman mereka yang bertugas sepanjang fasa Covid-19 dan menghadapi tempoh sukar dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu struktur bilik berita, cabaran teknologi dan etika profesionalisme kewartawanan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersifat penerokaan. Justeru, pengumpulan data secara komprehensif dijalankan menerusi kaedah temu bual mendalam separa berstruktur. Seramai 16 informan terlibat di dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada editor, sub-editor, dan wartawan daripada organisasi berita seperti BERNAMA, Utusan, Berita Harian, Harian Metro, Sinar Harian, Kosmo, *The Star* dan *New Straits Times* yang terlibat secara langsung dalam proses penulisan dan pelaporan berita kesihatan (Jadual 1.0). Proses pengumpulan data bermula pada bulan Januari 2021, sejurus mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya. Namun, proses temu bual tidak dapat dijalankan sepenuhnya secara bersemuka kerana pelaksanaan PKP 2.0. Walau bagaimanapun, temu bual diteruskan menerusi platform komunikasi dalam talian seperti telefon, *WhatsApp Call*, *WhatsApp Video Call* dan aplikasi persidangan video dalam talian iaitu *Google Meet*. Temu bual disusun kepada tiga bahagian, iaitu mengenai latar belakang profesional mereka dan pengalaman kerja sepanjang pandemik Covid-19; penerapan budaya norma baharu dalam konteks persekitaran kerja semasa; dan mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang pandemik. Kesemua temu bual yang dijalankan dirakam dan disalin semula secara verbatim dalam bentuk transkrip dan kemudiannya dianalisis secara bertema. Teknik analisis bertema sesuai dilakukan untuk sebuah penelitian bertujuan meneroka pengalaman dan memahami permasalahan yang dihadapi oleh wartawan yang bertugas semasa pandemik (Hooker, King, & Leask, 2012).

Jadual 1.0: Profil informan kajian

Bil	Informan	Jantina	Pengalaman Bidang Kewartawanan	Jawatan	Agensi Berita
1.	Informan 1	W	7 tahun	Sub-editor	BERNAMA
2.	Informan 2	W	16 tahun	Wartawan Berita Am	BERNAMA
3.	Informan 3	W	10 tahun	Wartawan Berita Rencana	Harian Metro
4.	Informan 4	W	2 tahun	Wartawan Berita Rencana	Sinar Harian
5.	Informan 5	L	4 tahun	Wartawan Berita Rencana	BERNAMA
6.	Informan 6	L	7 tahun	Wartawan Berita Rencana	Kosmo
7.	Informan 7	W	12 tahun	Wartawan Berita Rencana	Harian Metro
8.	Informan 8	W	13 tahun	Wartawan Berita Am	Berita Harian
9.	Informan 9	W	17 tahun	Editor Berita Rencana	<i>The Star</i>
10.	Informan 10	W	21 tahun	Editor Berita Rencana	<i>NST</i>
11.	Informan 11	W	7 tahun	Wartawan Berita Rencana	Utusan
12.	Informan 12	W	21 tahun	Wartawan Berita Rencana	Berita Harian
13.	Informan 13	W	30 tahun	Wartawan Berita Rencana	<i>The Star</i>
14.	Informan 14	W	7 tahun	Wartawan Berita Rencana	Utusan
15.	Informan 15	W	5 tahun	Wartawan Berita Am	<i>NST</i>
16.	Informan 16	W	12 tahun	Wartawan Berita Am	Sinar Harian

Pemilihan informan kajian ini menggunakan teknik snowballing kerana subjek yang dipilih daripada populasi yang sama yang mempunyai ciri yang sama (Zakaria & Tauhaid, 2018). Kesemua informan kajian ini merupakan wartawan, editor dan sub-editor yang terlibat dalam pelaporan berita kesihatan. Justeru, ciri tersebut akan menghasilkan data kajian yang tepat dengan topik kajian akan diperolehi. Perbezaan tahun pengalaman kerjaya informan adalah untuk membuktikan jurang adaptasi teknologi dan kematangan informan berdepan cabaran pandemik Covid-19.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian ini, dua tema utama telah berjaya dibentuk: (1) Perubahan amalan dan rutin pekerjaan wartawan berita kesihatan tempatan; dan (2) Isu dan cabaran yang dihadapi. Secara keseluruhannya, tema menerusi dapatan kajian ini menjelaskan bahawa krisis kesihatan awam khususnya pandemik Covid-19 telah mengubah pelbagai sisi rutin kerja dan profesionalisme wartawan berita kesihatan di Malaysia. Keterbatasan aktiviti dan tugas wartawan disebabkan oleh pematuhan terhadap PKP dan SOP norma baharu serta beberapa isu dan cabaran bukan menjadi halangan untuk wartawan terus melaporkan berita dari semasa ke semasa. Teknologi media, inovasi digitalisasi, kompetensi, profesionalisme dan tanggungjawab sosial telah membentuk wartawan menyesuaikan diri dengan situasi ini. Mereka sentiasa komited dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan mendahulukan tanggungjawab sosial melebihi tanggungjawab peribadi. Ini menunjukkan bahawa wartawan berita kesihatan di Malaysia mempunyai sikap bertanggungjawab, positif,

jati diri dan semangat juang yang tinggi demi melaporkan berita terkini yang sahih dan kredibiliti.

Perubahan Amalan dan Rutin Pekerjaan Wartawan Berita Kesihatan Tempatan

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat tiga sub tema yang menjelaskan gaya dan persekitaran kerja wartawan berita kesihatan di Malaysia dalam norma baharu, iaitu (1) bekerja dari rumah, (2) berinteraksi secara maya (*virtual*), dan (3) kolaborasi atau gabung-jalin meja-meja berita. Keadaan ini sememangnya telah mengubah sedikit sebanyak rutin kerja dan amalan sosiobudaya bilik berita wartawan di Malaysia. Perbincangan mengenai sub tema ini adalah seperti berikut:

a. Bekerja dari Rumah

Pelaksanaan bekerja dari rumah telah dikuatkuasakan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Elengoe, 2020). Arahan ini memberi perlepasan kepada kesemua pekerja kecuali perkhidmatan penting untuk tidak hadir bekerja di pejabat bagi mengurangkan risiko jangkitan virus Covid-19. Bagi organisasi berita di Malaysia, pelaksanaan bekerja dari rumah turut dilakukan demi menjamin kelangsungan fungsi bilik berita semasa fasa pandemik. Ini kerana bilik berita bakal berdepan dengan risiko jangkitan jika wartawan bekerja dalam kumpulan yang besar. Majoriti wartawan, editor dan sub-editor berita kesihatan yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka turut terlibat dalam pelaksanaan bekerja dari rumah, walaupun terdapat sebahagian daripada mereka yang tidak secara sepenuhnya.

Mula PKP bulan 3 tahun lepas hingga sekarang kita orang bekerja dari rumah kecuali bulan 9 atau bulan 10 tahun lepas kena masuk pejabat tetapi secara bergilir-gilir. Selepas itu *activate* semula bekerja dari rumah bila ada wartawan yang positif Covid selepas balik dari PRN Sabah (Informan 12).

Dari segi cabaran bekerja dari rumah, majoriti informan menyatakan mereka menghadapi masalah untuk mengekalkan momentum dan rutin kerja mereka sama seperti di bilik berita. Selain itu kebanyakan informan berdepan dengan cabaran keterbatasan komunikasi. Perbincangan fizikal secara bersemuka tidak dapat dijalankan dan hanya bergantung kepada teknologi untuk berhubung. Situasi begini boleh menimbulkan salah faham sekiranya maklumat yang hendak disampaikan kurang jelas. Perubahan sedemikian turut memberi kesan kepada mood dan komitmen terhadap pekerjaan:

Kita bekerja 24 jam bukan 8 jam, sentiasa kena tengok *handphone*. Kadang-kadang nak mandi pun bawa *handphone* sebab takut ada yang terlepas pandang nanti *effect* kepada kawan-kawan sepasukan yang lain (Informan 12).

B. Interaksi Maya

Kesan penularan pandemik Covid-19 ini telah menyebabkan perubahan kepada amalan dan rutin kerja para wartawan. Ketika pandemik, kebanyakan urusan kerja para wartawan berita kesihatan tempatan dijalankan secara maya (*virtual*) sama ada melalui telefon, secara dalam talian (*online*) menerusi platform persidangan video seperti *Google Meet*, *Zoom* dan lain-lain.

Semasa pandemik majoriti temu bual dilakukan secara maya bagi mengelak risiko jangkitan (Informan 14).

Wartawan ni kita terpaksa keluar mencari bahan, kita macam rasa takut tu ada jugaklah, tapi macam solusi sekarang ini kita gunakan teknologi. Kalau nak temu bual doktor untuk satu-satu isu kita temu bual secara maya guna *Zoom*, *Google Meet* (Informan 6).

Persidangan media, mesyuarat, dan temu bual dengan sumber berita dijalankan secara dalam talian. Liputan di lapangan terutamanya di institusi kesihatan seperti hospital tidak digalakkan, dan pelbagai lagi sekatan jarak fizikal telah memaksa perubahan komunikasi kepada komunikasi virtual. Penggunaan telefon merupakan alat komunikasi utama sepanjang musim pandemik ini, di samping penggunaan aplikasi persidangan video seperti *Google Meet* dan *Zoom* bagi menggantikan komunikasi bersemuka secara fizikal. Selain daripada memanfaatkan aplikasi persidangan video menerusi *Zoom*, *Google Meet*, *Webex*, *Microsoft Teams* dan *Webinar*, aplikasi ini juga boleh diintegrasikan kepada *Facebook Live* dan *Youtube*. Informan 12 contohnya, mendapatkan maklumat mengenai Covid-19 daripada pemegang taruh atau institusi pemerintah yang bertanggungjawab secara langsung menerusi medium tersebut tanpa perlu menghadiri sidang media fizikal yang boleh mendedahkan beliau kepada bahaya Covid-19. Dalam konteks tersebut, jelas telah berlaku transformasi kewartawanan baharu di Malaysia (Saleh, Omar, & Balaraman, 2021).

Walaupun aktiviti norma baharu yang disebut di atas agak mencabar, namun setiap informan bersifat terbuka dan positif terhadap perubahan tersebut. Menurut Informan 10, teknologi banyak membantu dalam memudahkan pekerjaan kewartawanan dan menjimatkan masa. Aplikasi komunikasi seperti *WhatsApp* sebagai contoh, boleh menghubungkan komunikasi secara individu dan berkumpulan membolehkan sesuatu berita dikongsi dan dinilai dalam masa yang singkat.

Dunia kini sangat digital, kita '*very mobile*', apa-apa pun selalu ada *WhatsApp* dan *WhatsApp* semuanya ada hitam putih (boleh didokumenkan). Anda boleh nampak apa-apa orang itu tulis sebab macam berita pun cerita letak dekat *WhatsApp Group*, kalau editor nak penjelasan boleh tanya dekat *WhatsApp Group* supaya semua orang tahu apa yang berlaku. Ia sebenarnya agak mudah (Informan 10).

Informan 10 juga menekankan aspek *multitasking* dalam proses penulisan berita. Dengan perkembangan dan inovasi teknologi, perhubungan komunikasi dan juga gerak kerja kini dapat dilakukan secara dalam talian. Kerja-kerja penyuntingan dan penghasilan berita tidak lagi bergantung kepada bilik berita fizikal sebaliknya berita boleh dihasilkan di mana-mana menerusi sistem perisian berita yang boleh beroperasi dalam lingkungan rangkaian internet. Dalam hal ini amat jelas bahawa bilik berita telah berubah menjadi suatu ruang virtual yang dihubungkan melalui teknologi internet dan aplikasi media serta bersifat *mobile* atau turut disebut sebagai '*mobile journalism*' (Salzmann, Guribye, & Gynnild, 2020).

c. *Kolaborasi Meja-Meja Berita*

Penggiliran tugas di lapangan dan di bilik berita serta pengurangan kakitangan media yang bertugas kepada tahap minima telah mewujudkan suatu budaya kerja yang baharu dalam kalangan wartawan. Apa yang berlaku ialah petugas media khususnya wartawan dan editor dari pelbagai pengkhususan dan saluran media saling berganding bahu menjalankan tugas sepanjang fasa pandemik secara penggiliran dan menjalankan pelbagai tugas dalam satu-satu masa. Sebagai contoh, Informan 7 yang merupakan wartawan meja berita rencana turut membuat liputan berita untuk meja berita am. Begitu juga dengan Informan 10 yang merupakan seorang editor akhbar turut melaksanakan tugas-tugas suntingan bagi berita online.

Masa bulan pertama, bulan 4 atau bulan 5, waktu itu saya sepatutnya di bawah rencana, tapi kita bekerja dalam norma baharu, kita buat liputan berita am jugalah, kita pergi hospital. Saya *back-up* topik-topik berita am, contohnya setiap hari saya perlu pergi sidang media sebab menggantikan rakan di bahagian meja berita am yang tidak dapat pergi. Kita kerjasama, kolaborasi dengan meja berita lain (Informan 7).

Pengalaman menarik masa MCO kita orang semua bahagian rencana kena kolaborasi, so, kita orang kena kerja dekat meja berita, saya kerja dekat *online* masa tu (Informan 10).

Menjalankan kepelbagaian tugas dalam satu masa bukanlah suatu perkara yang mudah. Menurut Informan 12, beliau memerlukan kepantasan dan kemahiran untuk menyediakan bahan berita kepada pelbagai platform, iaitu berita cetak, berita online dan kemudiannya diintegrasikan kepada platform media sosial seperti FB dan Twitter.

Kalau ikutkan sekarang kita dalam era pemberitaan digital. Contohnya *assignment* habis pukul 12.00, 12.05 minit kita dah kena siap masuk online. Terkejar-kejar, jadi kadang-kadang tak sempat, sambil makan kita kena buat *story*, dengar *recording* sebab lepas kita buat online kita kena buat *print*. Bukan itu sahaja, zaman *digital journalism* ni, kita kena kongsi berita di media sosial, FB, Twitter dan lain-lain. Kalau kita lambat bos tahu sebab sekarang PC (*Press Conference*) melalui FB Live, bos tahu *live* tu dah habis tapi *story* tak hantar lagi. Bagi saya okay sahaja tetapi bagi wartawan yang sudah berumur sikit, dia tak boleh buat semua benda ni dalam satu masa (Informan 12).

Berdasarkan pernyataan Informan 12 ini, jelas menunjukkan bahawa pemberitaan digital telah melengkapkan keterbatasan yang dihadapi dalam tempoh pelaksanaan PKP dan juga praktik SOP budaya kerja norma baharu untuk mengekang penularan wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, kemahiran dan kompetensi wartawan perlu dilihat semula terutamanya dari aspek tahap literasi teknologi dan digital yang berbeza-beza dalam kalangan wartawan.

d. *Memmingkaikan Kisah Minat Masyarakat*

Umumnya, semasa fasa pandemik kesemua media akan menyiarkan maklumat yang hampir sama setiap hari berikutan fokus utama adalah untuk memberi amaran dan kesedaran kepada masyarakat. Pemaparan berita yang sama dan kerap boleh menimbulkan kebosanan dalam

kalangan pembaca dan seterusnya mewujudkan ketepuan berita sehingga pembaca hilang minat untuk mengambil peduli tentang maklumat berkaitan pandemik. Hal ini merupakan cabaran besar kepada para wartawan berita kesihatan untuk menghasilkan berita yang dapat menarik minat pembaca. Informan 3 telah berkongsi pengalaman menulis kisah minat masyarakat:

Macam mana hendak laporkan benda yang sama tapi dengan cara yang berbeza setiap hari? Cari elemen lain, contohnya elemen positif macam semua orang memasak di rumah dari membeli makanan dari luar semasa musim pandemik. Bingkaikan kisah masyarakat (Informan 3).

Informan 3 cuba mengalih perhatian pembaca dari isu kesihatan Covid-19 kepada perubahan gaya hidup masyarakat yang dahulunya suka membeli makanan luar atau makan di luar kepada gaya hidup baharu iaitu memasak sendiri makanan di rumah. Sementara Informan 5 memaparkan isu-isu berkaitan dengan Covid-19 dari aspek sosial dan ekonomi seperti isu PKS dan i-Sinar. Ini kerana pelbagai masyarakat telah terkesan daripada pandemik ini seperti kehilangan pekerjaan, kehilangan sumber pendapatan dan kehilangan tempat bergantung.

Menulis itu perlu benda yang bermanfaat, benda yang dekat dengan masyarakat, contohnya isu-isu ekonomi Covid-19, PKS, isu-isu berkaitan perniagaan, dan i-Sinar contohnya yang sekarang tengah *boom*. Orang kata kalau boleh artikel itu dekat dengan kita, dekat dengan rakyat, dekat dengan masyarakat (Informan 5).

Isu dan Cabaran yang Dihadapi oleh Wartawan Berita Kesihatan Tempatan

Selain itu, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh wartawan berita kesihatan sepanjang bertugas dalam fasa pandemik Covid-19. Perbincangan mengenainya termasuklah perasaan takut, batasan komunikasi serta cabaran berita palsu mengenai Covid-19.

a. Perasaan Takut

Ketakutan terhadap jangkitan, kekecewaan, kebosanan, tekanan, depresi, maklumat yang tidak mencukupi, kehilangan pekerjaan, dan stigma merupakan antara situasi yang berlaku dalam kalangan populasi kesan daripada Pandemik Covid-19 (Gato et al., 2021). Situasi yang sama turut dirasai oleh kebanyakan wartawan yang ditemu bual. Majoriti wartawan yang bertugas sepanjang pandemik Covid-19 mempunyai perasaan takut terutamanya apabila mereka ditugaskan membuat liputan berita di lapangan. Sebagai contoh informan 8 ditugaskan membuat liputan di Pasar Borong Selayang melahirkan rasa kegusarannya terhadap ketidakpatuhan penjarakan sosial pelanggan dan pekerja di pasar itu:

Memanglah takut, kita buat liputan, contoh saya kena pergi dekat pasar borong buat tinjauan, memang takut! Sebab ramai orang dekat pasar tu...semua orang asing. Nak tak nak kita kena pergilah. Jadi ikutlah peraturan macam biasa...SOP dia, pakai pelitup muka, kalau boleh nak jarak tapi dah pasar tu penuh tak boleh nak jarak dah, sebab masa tu semua orang tengah panik, jadi takutlah (Informan 8).

Begitu juga dengan pengalaman Informan 7 dan Informan 13, selain daripada berasa takut dan bimbang, timbul sedikit tekanan psikologi pada peringkat awal pandemik:

Masa peringkat awal tu, masa mula-mula Covid, saya rasa macam ada sahaja virus tu dekat tangan, tapi sekarang macam dah okay sebab kita dah tahu cara nak menguruskan virus tersebut (Informan 7).

Kita takut pergi sana, pergi sini, terutamanya hospital. Kita sentuh sana, kita sentuh sini, kita tidak tahu siapakah orang yang sudah sentuh permukaan itu, kita macam ada tekanan psikologi....paranoid! (Informan 13).

Perasaan yang sama turut dialami oleh Informan 6 dan Informan 11, namun perasaan bimbang dan takut tersebut lebih tinggi kepada ketakutannya terhadap jangkitan kepada ahli keluarga berbanding diri sendiri:

Kita bekerja terpaksa pergi ke sana sini untuk mencari bahan berita, saya takut dengan pandemik ini. Jika kena dekat kita tak apa, takut kita yang jadi punca merebak kepada orang lain. Saya takut, bila saya balik rumah kena dekat anak, kena dekat isteri (Informan 6).

Saya sebenarnya, sejujurnya memang takut. Sebagai wartawan saya perlu ke pejabat, saya perlu buat liputan di luar. Kita *essential service*, mahu tak mahu kena juga bekerja di pejabat. Kadang-kadang kita risau sebab bila balik nanti ada *baby* dekat rumah (Informan 11).

Berdasarkan daripada kenyataan informan tersebut, didapati kebanyakan wartawan yang bertugas pada waktu pandemik Covid-19 tidak ada mengalami tekanan psikologi yang *severe* secara klinikal sepertimana yang dialami oleh negara lain (Osman et al., 2021). Tetapi elemen psikologi yang dimaksudkan hanya secara umum seperti perasaan takut, risau dan bimbang terhadap jangkitan virus tersebut. Namun, keadaan tersebut berlaku semasa peringkat awal pandemik kerana pengetahuan berkaitan virus tersebut dan amalan perlindungan serta pencegahannya masih berkurangan.

b. Batasan Komunikasi

Perkembangan dan inovasi teknologi sememangnya banyak membantu wartawan dalam beradaptasi dengan norma baharu ketika pandemik, terutamanya dari segi komunikasi. Namun, terdapat kekangan yang perlu diambil kira dalam menggunakan teknologi yang ada. Menurut Informan 7, komunikasi secara bersemuka masih lagi penting kerana keadaannya membolehkan banyak perkara dibincangkan secara lebih mendalam dan impromptu jika dibandingkan dengan aplikasi teknologi seperti WhatsApp yang memerlukan sokongan liputan internet yang kadang-kala boleh mengganggu akses kepada komunikasi.

Satu lagi komunikasi dengan bos pun susah juga, hendak bagi arahan tapi macam tidak sampai sebab bila kita di pejabat kita boleh *face to face* berbincang, jadi bila kita berkomunikasi menerusi WhatsApp ada batasan (Informan 7).

Sekarang ini kerja dalam norma baharu, kita tidak digalakkan untuk menemubual secara bersemuka, komunikasi jadi terbatas. Kebanyakan temu bual saya adalah secara dalam talian. Saya lagi suka temu bual bersemuka sebab bila temu bual bersemuka ni lebih banyak kita boleh tanya, lagi banyak soalan-soalan yang akan keluar dan berita yang kita akan tulis akan lebih sedap sebab kita sendiri jumpa orang tersebut, kita lihat *action* dia (Informan 5).

Majoriti informan berpendapat temu bual secara fizikal bersemuka (*face to face*) adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan temu bual yang dijalankan melalui telefon atau persidangan video secara dalam talian seperti *Zoom*, *Microsoft Teams* atau *Google Meet*. Mereka juga berpandangan bahawa temu bual yang dijalankan secara fizikal bersemuka dapat menggabungkan kesemua aspek komunikasi lisan dan bukan lisan untuk mencungkil maklumat daripada sumber berita dengan lebih banyak dan lebih mendalam. Selain itu mereka juga dapat menilai keseriusan sesuatu maklumat atau berita itu menerusi riak muka dan intonasi suara sumber berita.

Sebenarnya saya lebih suka bersemuka kerana ada banyak perkara yang anda dapat, lebih mudah untuk berkomunikasi secara bersemuka dan anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat dengan cara itu. Bukan setakat mendengar perkataan dia, tetapi riak muka dan reaksi dia kita boleh nampak dan itu akan memberitahu kita mana satu angel berita yang menarik, mungkin saya boleh bertanya lebih lanjut tentang itu kerana mereka kelihatan seperti ada lebih banyak yang mereka boleh beritahu (Informan 8).

Cabaran lain yang dihadapi dalam konteks komunikasi adalah dari aspek bunyi dan kejelasan sebutan. Menurut Informan 13, pemakaian pelitup muka boleh menyebabkan gangguan kepada komunikasi sama ada komunikasi bersemuka fizikal mahupun secara maya terutama dari segi sebutan, bunyi dan nada suara.

Itu adalah satu cabaran, kerana anda tahu mengapa anda tidak boleh pergi ke mana-mana untuk menemu ramah. Segala-galanya mesti ada di rumah, semuanya mesti zoom atau apa sahaja.... maya. Jadi, saya tiga bulan bekerja dari rumah. Saya pergi ke pejabat tetapi untuk anda menemu ramah doktor dan semua yang perlu anda lakukan dari rumah atau telefon. Saya mempunyai telefon pembesar suara, jadi boleh merakam tetapi menjadi lebih mencabar apabila anda memakai topeng, mereka tidak dapat mendengarnya dengan baik walaupun anda berhadapan dengan mereka. Apa yang mereka katakan, anda tidak dapat mendengar dengan baik, apa yang anda rakam tidak muncul dengan baik. Kemudian anda berfikir adakah mereka mengatakan itu atau mereka mengatakan ini? Itulah cabarannya (Informan 13).

c. Berita Palsu dan Mitos Covid-19

Berita palsu dan khabar angin mengenai Covid-19 merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh kesemua informan kajian ini. Perkara ini turut menjadi kebimbangan WHO selain daripada kebimbangan terhadap jangkitan meluas virus Covid-19 (Arao et al., 2020). Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres melihat penyebaran pandemik Covid-19 telah menimbulkan penyebaran pandemik kedua iaitu infodemik:

...has also given rise to a second pandemic of misinformation, from harmful health advice to wild conspiracy theories (PBB, 2020 halaman 2 di dalam Arao et al., 2020).

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelas menunjukkan bahawa berita palsu merupakan cabaran besar kepada wartawan yang menulis berita kesihatan era ini. Kesilapan dalam menjelaskan sesuatu maklumat boleh memberikan risiko kesihatan kepada masyarakat. Sebagai contoh, berita tentang cairan metanol yang diminum dapat mengekang jangkitan Covid-19 telah menyebabkan ratusan orang di Iran mati keracunan (Astrid, 2020). Perkara ini turut diakui oleh kebanyakan informan kajian yang mana wartawan terpaksa berdepan dengan cabaran berita palsu terutamanya pada peringkat awal fasa pandemik Covid-19.

Antara cabaran ketika mula-mula berdepan pandemik ialah berperang dengan berita palsu mengenai Covid-19 (Informan 2).

Selain berita palsu, mitos kesihatan juga merupakan salah satu elemen kepada berita palsu. Hampir kesemua informan kajian ini berkongsi tentang mitos Covid-19. Pelbagai mitos telah disebar luas di media sosial yang kebanyakannya menceritakan tentang pelbagai bahan yang boleh menyembuhkan Covid.

Macam hari itu, kena buat pasal mitos,....gelang boleh sembuhkan Covid. Topik itu memang topik kisah masyarakat. Betul ke gelang itu boleh cegah? adakah kajian yang kata boleh cegah? Kita orang walaupun isu itu kecil, pakai gelang, benda tu kalau keluar dekat media sosial kita orang yang kena pergi semak balik, kena sahkan fakta (Informan 3).

Selain daripada pemakaian gelang seperti yang dikongsi oleh Informan 3, Informan 15 berkongsi tentang pengambilan vitamin C dan daun inai untuk meningkatkan sistem kekebalan tubuh. Kesemua mitos-mitos yang disebar luaskan tersebut mengandungi fakta palsu yang boleh menjejaskan kualiti kesihatan masyarakat yang mempercayainya seratus peratus sehingga meninggalkan SOP kawalan jangkitan Covid yang telah disarankan.

Semasa Covid-19, kita banyak mendengar yang kononnya vitamin C dan daun inai bukan sahaja dapat meningkatkan sistem kekebalan tubuh, tetapi juga dapat menyembuhkan penyakit covid. Ini boleh memudaratkan kepada sebilangan orang yang mempercayainya dan tidak mengikut SOP (Informan 15).

Oleh kerana mitos kesihatan semakin berleluasa disebar luas dalam kalangan komuniti terutamanya di media sosial, Informan 4 telah mengambil inisiatif untuk menulis artikel berkaitan agar dapat menjelaskan kekeliruan yang timbul. Beliau telah menulis sebuah artikel bertajuk “Agak keterlaluan nyah kuman bahan yang kita beli”. Artikel tersebut diterbitkan untuk tujuan menangkis mitos Covid-19, terutamanya kepada segelintir masyarakat yang begitu paranoid terhadap virus tersebut sehingga melakukan nyah kuman (sanitasi) ke atas semua benda dalam kehidupan mereka termasuklah bahan makanan.

Masa awal-awal Covid-19 dahulu, ada orang yang sanitasi sayur basuh guna sabun, yang dia memang sangat-sangat paranoid bila dia beli barang dekat luar. Pakar itu cakap, agak keterlaluanlah, cukup untuk kita, kalau macam sayur itu kita rendam dalam air garam, tak perlu sampai bersabun. Memang ada viral dia basuh guna sabun semua sayur dan sebagainya. Ada yang jemur, atau biarkan seketika di luar rumah. Doktor itu cakap keterlaluan sangat, kita takut bakteria lain pula yang melekat dekat sayur (Informan 4).

Berdasarkan pernyataan-pernyataan informan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cabaran utama wartawan semasa era pandemik Covid-19 adalah bagaimana mereka menangani berita palsu. Adalah menjadi tanggungjawab wartawan untuk menyampaikan maklumat yang sahih terutamanya ketika berhadapan dengan krisis kesihatan awam seperti wabak Covid-19 ini. Bertepatan dengan pandangan Christians, Glasser, McQuail, Nordenstreng dan White (2010), dalam konteks komunikasi bencana dan krisis, wartawan berperanan sebagai fasilitator yang berfungsi sebagai saluran komunikasi antara pegawai dan pakar kesihatan awam kepada masyarakat. Wartawan mempunyai tanggungjawab untuk menjadi penyemak fakta dan menyampaikan maklumat kepada orang awam. Hal ini juga merupakan tanggungjawab yang telah ditetapkan dalam Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mana organisasi berita merupakan sebahagian daripada entiti penting dalam pengurusan krisis dan keselamatan negara di bawah Jawatankuasa Media (Majlis Keselamatan Negara, 2012). Menurut Informan 2, menangkis dan membetulkan fakta palsu merupakan peranan baharu wartawan semasa pandemik Covid-19.

Banyak perubahan dari segi norma baharu. Selain mematuhi SOP ditetapkan, terdapat cabaran ketika mula-mula berdepan pandemik iaitu berperang dengan *fake news* mengenai Covid-19. Setiap hari ada sahaja berita palsu yang perlu mendapat penjelasan dari KKM dan pihak MKN. Kami perlu bekerjasama rapat dengan KKM, MKN, dan pihak-pihak berkaitan demi menjelaskan semua kekeliruan kepada masyarakat (Informan 2).

Komitmen dan pendirian teguh pihak pemegang taruh dalam konteks membanteras penularan berita palsu amat diharapkan (Haron & Daud, 2021). Hal ini dapat membantu wartawan untuk memberikan maklumat yang benar dan seterusnya dapat mengekang penularan berita palsu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

BATASAN KAJIAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN PADA MASA HADAPAN

Kajian ini mengalami keterbatasan dari aspek komunikasi. Hal ini kerana kajian dijalankan dalam tempoh PKP dan menjadi kewajipan untuk mematuhi SOP norma baharu yang telah

ditetapkan oleh pihak pemerintah. Dalam tempoh tersebut, penyelidik tidak dapat menjalankan temu bual mendalam secara fizikal. Pengkaji tidak dapat membuat penilaian bahasa badan seperti ekspresi wajah dan pergerakan badan dengan jelas, terutamanya apabila menjalankan temu bual menerusi telefon. Pengkaji terpaksa memberi fokus kepada nada suara di samping bertanyakan soalan-soalan tertentu secara berulang-ulang untuk melihat jawapan yang konsisten. Justeru, adalah wajar sekiranya kajian ini turut dijalankan secara kajian campuran (mix-method) dengan melibatkan tinjauan soal selidik. Kaedah tinjauan soal-selidik boleh dijalankan menerusi pelbagai medium dalam talian termasuk aplikasi media sosial. Tempoh kajian juga perlu dipanjangkan kepada 6 hingga 12 bulan kerana sampel kajian adalah wartawan berita kesihatan yang mempunyai komitmen yang tinggi dari segi masa dan tugas dalam tempoh pandemik ini. Sampel kajian juga wajar dipanjangkan kepada semua wartawan tanpa mengira bidang pengkhususan, aliran perdana mahupun wartawan portal dalam talian kerana dalam tempoh pandemik ini wartawan saling bergabung-jalin dan lengkap-melengkapi antara satu sama lain untuk menjalankan pelbagai tugas pemberitaan.

PENUTUP

Secara keseluruhan artikel ini diharap dapat memberi gambaran tentang cara wartawan berita kesihatan di Malaysia melakukan pekerjaan mereka dalam keadaan keterbatasan PKP dan pematuhan SOP untuk mengekang penularan virus Covid-19. Menerusi dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 telah mengubah amalan dan rutin pekerjaan wartawan di Malaysia secara keseluruhan. Transformasi amalan kewartawanan tradisional kepada amalan kewartawanan baharu jelas kelihatan dengan dominasi komunikasi maya menerusi teknologi digitalisasi. Bilik berita maya telah menggantikan bilik berita fizikal, sementara kewartawanan peranti (*mobile journalism*) merupakan praktik dalam rutin bekerja norma baharu setiap wartawan ketika pandemik ini. Justeru, adalah penting setiap wartawan di Malaysia mempersiapkan diri ke arah bekerja dalam norma fleksibiliti dan *multitasking*, di samping memperkasakan kompetensi teknologi digitalisasi. Kesimpulannya, pelaporan kesihatan di negara ini sepanjang pandemik Covid-19 adalah dihubungkan dengan praktik kewartawanan peranti, teknologi digitalisasi, dan kekangan struktur. Namun, setiap kekangan yang dibawa oleh COVID-19 telah mendapat refleksi kreatif dengan penggunaan kaedah baru dalam pelaporan berita kesihatan, yang akhirnya menjadi norma profesional dalam pelaporan kesihatan semasa pandemik.

BIODATA

Rohana Amdan merupakan pelajar PhD, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Malaya (UM) dalam bidang kewartawanan. Pemegang Sarjana Sastera Perang Saraf Media dan Informasi, UiTM. Email: rohanaamdan@gmail.com

Fadli Abdullah merupakan pensyarah kanan Jabatan Pengajian Media dan Komunikasi, FASS, UM. Berkepakaran dalam bidang Penerbitan khususnya perniagaan penerbitan, perdagangan penerbitan serta penerbitan dan teknologi. Email: fadliabdullah@um.edu.my

Md Azalanshah Md Syed adalah Profesor Madya Jabatan di Pengajian Media dan Komunikasi dan Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM. Minat penyelidikannya tertumpu kepada penggunaan budaya popular dan perubahan sosial di Malaysia. Email: azalan@um.edu.my

RUJUKAN

- Abdullah, N. A. A., Rahmat, N. H., Zawawi, F. Z., Khamsah, M. A. N., & Anuarsham, A. H. (2020). Coping with Post Covid-19: Can work from home be a new norm? *European Journal of Social Sciences Studies*, 5(6), 61-81. <https://doi.org/10.46827/ejsss.v5i6.933>
- Aitamurto, T., & Varma, A. (2018). The constructive role of journalism. *Journalism Practice*, 12(6), 695-713. <https://doi.org/10.1080/17512786.2018.1473041>
- Antwi-Boasiako, K. (2017). *Reporting health emergency outbreaks_ African journalists on the frontlines of Ebola coverage* [Doctor of Philosophy, the Scripps College of Communication of Ohio University].
- Arao, D. A., Brooten, L., Custodio, P. A., Du, R., Rivera, M. T. M., & Zhang, N. Y. (2020). *Fighting infodemics*. Taylor & Francis.
- Astrid, A. F. (2020). Jurnalisme positif ala portal Republika pada isu Covid-19. *Jurnal Mercusuar*, 1(1), 150-161.
- Bernadas, J. M. A. C., & Ilagan, K. (2020). Journalism, public health, and COVID-19: Some preliminary insights from the Philippines. *Media International Australia*, 177(1), 132-138. <https://doi.org/10.1177/1329878x20953854>
- Choi, M., & McKeever, B. W. (2019). News framing of avian flu: Media advocacy and response to a public health crisis. *Newspaper Research Journal*, 40(4), 451-466. <https://doi.org/10.1177/0739532919855790>
- Christians, C. G., Glasser, T., McQuail, D., Nordenstreng, K., & White, R. A. (2010). *Normative theories of the media: Journalism in democratic societies*. University of Illinois Press.
- Duncan, K., Hook, T., Porter, K., Cornwell, P., & Gonzalez, C. (2020). Global journalist: Photojournalists on working through a pandemic. *MO Space*. <https://mospace.umsystem.edu/xmlui/bitstream/handle/10355/72837/GJ2020-04-16-transcript.pdf?sequence=3&isAllowed=y>
- Edimo, A. (2016). *In the Backstage of the 2014 Ebola crisis news coverage_ A focus on the lived experience of involved African journalists* [Master of Arts (Journalism Studies, Concordia University, Montreal, Quebec, Canada].
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia. *Osong Public Health Res Perspect*, 11(3), 93-100. <https://doi.org/10.24171/j.phrp.2020.11.3.08>
- Finneman, T., & Thomas, R. J. (2021). "You had to be reporting constantly": COVID-19's impact on US weekly newspapers' journalistic routines. *Newspaper Research Journal*, 42(3), 330-345.
- Garcia, J. L., Matos, J. N., & da Silva, P. A. (2021). Journalism in state of emergency: An analysis of the effects of the Covid-19 pandemics on journalists' employment relationships. *Comunicação e Sociedade*, 39, 269-285. <https://doi.org/10.1177/10355/72837/GJ2020-04-16-transcript.pdf?sequence=3&isAllowed=y>
- Gato, J., Barrientos, J., Tasker, F., Miscioscia, M., Cerqueira-Santos, E., Malmquist, A., . . . Wurm, M. (2021). Psychosocial effects of the COVID-19 pandemic and mental health among LGBTQ+ young adults: A cross-cultural comparison across six nations. *Journal of Homosexuality*, 68(4), 612-630. <https://doi.org/10.1080/00918369.2020.1868186>
- Gong, J., Zanuddin, H., Hou, W., & Xu, J. (2021). Media attention, dependency, self-efficacy, and prosocial behaviours during the outbreak of COVID-19: A constructive journalism perspective. *Global Media and China*, 7(1), 81-98. <https://doi.org/10.1177/10355/72837/GJ2020-04-16-transcript.pdf?sequence=3&isAllowed=y>
- Guðmundsson, B. (2020). Icelandic newsrooms in a pandemic mode. *Icelandic Review on Politics & Administration*, 16(2), 147-160. <https://doi.org/10.13177/irpa.a.2020.16.2.4>

- Hakimi, F. (2020, October 5). Wartawan pulang dari PRN Sabah positif Covid-19, ramai lagi senasib rupanya. *Sinar Harian*. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=122505>
- Hammer, C., Boender, T. S., & Thomas, D. (2021). Social media for field epidemiologists (#SoMe4epis): How to use Twitter during the #COVID19 pandemic. *Int J Infect Dis*, 110(1), S11-S16. <https://doi.org/10.1016/j.ijid.2021.05.035>
- Haron, H. H., & Daud, M. (2021). Pandemik COVID-19 di Malaysia: Mengurus infodemic melalui Majlis akhbar. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(2), 239-268.
- Hilton, S., & Hunt, K. (2011). UK newspapers' representations of the 2009-10 outbreak of swine flu: one health scare not over-hyped by the media? *J Epidemiol Community Health*, 65(10), 941-946. <https://doi.org/10.1136/jech.2010.119875>
- Hooker, C., King, C., & Leask, J. (2012). Journalists' views about reporting avian influenza and a potential pandemic: A qualitative study. *Influenza and Other Respiratory Viruses*, 6(3), 224-229.
- Ihekweazu, C. (2017). Ebola in prime time: A content analysis of sensationalism and efficacy information in U.S. nightly news coverage of the Ebola outbreaks. *Health Communication*, 32(6), 741-748. <https://doi.org/10.1080/10410236.2016.1172287>
- Ismail, A., Aripin, N., & Sim, D. M. C. (2021). Pembingkatan analisis berita dalam Facebook mengenai Covid-19: Langkah, punca dan laporan jangkitan. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 161-175.
- Jukes, S., Fowler-Watt, K., & Rees, G. (2021). Reporting the Covid-19 pandemic: Trauma on our own doorstep. *Digital Journalism*, 10(6), 997-1014.
- Kim, Y. (2020). Outbreak news production as a site of tension: Journalists' news-making of global infectious disease. *Journalism*, 23(1), 171-188. <https://doi.org/gk7kn8>
- Klemm, C., Das, E., & Hartmann, T. (2016). Swine flu and hype: A systematic review of media dramatization of the H1N1 influenza pandemic. *Journal of Risk Research*, 19(1), 1-20.
- Klemm, C., Das, E., & Hartmann, T. (2017). Changed priorities ahead: Journalists' shifting role perceptions when covering public health crises. *Journalism*, 20(9), 1223-1241. <https://doi.org/10.1177/1464884917692820>
- Lakshmi, P. R., Zalina, M. K., & Afida, M. A. (2017). Combating H1N1: Metaphors of war in a Malaysian newspaper. *Journal of Language and Communication*, 4(1), 84-94.
- Le, Y. (2021). Constructive journalism in China: Research and practice. *Social Sciences in China*, 42(2), 145-168.
- Libert, M., Le Cam, F., & Domingo, D. (2021). Belgian journalists in lockdown: Survey on employment and working conditions and representations of their role. *Journalism Studies*, 23(5-6), 588-610. <https://doi.org/10.1080/1461670X.2021.1944280>
- Menke, M., Kinnebrock, S., Kretschmar, S., Aichberger, I., Broersma, M., Hummel, R., . . . Salaverria, R. (2016). Convergence culture in european newsrooms. *Journalism Studies*, 19(6), 881-904. <https://doi.org/10.1080/1461670x.2016.1232175>
- Miranda, J., Fidalgo, J., & Martins, P. (2021). Journalism in time of pandemic: New professional routines, new ethical challenges. *Comunicação e Sociedade*, 39, 287-307.
- Majlis Keselamatan Negara (MKN). (2012). *Arahan No. 20 (Semaka semula): Dasar dan mekanisma pengurusan pegurusan bencana negara*. MY: Jabatan Perdana Menteri.
- Muhamad, H. (2020, 5 Oktober 2020). "Saya macam tak percaya..." - Wartawan positif COVID-19 selepas selesai PRN Sabah. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/saya-macam-tak-percaya-wartawan-positif-covid19-selepas-selesai-prn-sabah-262211>

- Mustaffa, N., Sannusi, S. N., Hasan, A. S. A., Zuwairi, M., & Saad, M. (2017). Journalism and news industry in Malaysia: New media, new challenges. *Journal of Social Sciences and Humanity*, 14(6), 73-80.
- Nee, R. C., & Chacón, L. M. C. (2021). Live from my living room: Perceived organizational support among TV news workers during the COVID-19 pandemic. *Electronic News*, 15(3-4), 75-94. <https://doi.org/10.1177/19312431211035129>
- Osmann, J., Selva, M., & Feinstein, A. (2021). How have journalists been affected psychologically by their coverage of the COVID-19 pandemic? A descriptive study of two international news organisations. *BMJ open*, 11(7), e045675.
- Peng, H. J., & Saleh, M. S. M. (2022). Pelaporan berita Covid-19 dalam Malaysiakini dan The Star. *Asian Journal of Applied Communication (AJAC)*, 12(S2), 47-60.
- Perreault, M. F., & Perreault, G. P. (2021). Journalists on COVID-19 journalism: Communication ecology of pandemic reporting. *American Behavioral Scientist*, 65(7), 976-991.
- Porcu, O. (2020). Exploring innovative learning culture in the newsroom. *Journalism*, 21, 1556-1572.
- Pui, G. S., & Balaraman, R. A. (2022). *Framing Covid-19 vaccination: A study of Malaysian mainstream and alternative online news portals/Pui Gou Siang and Rani Ann Balaraman*. Paper presented at the Forum Komunikasi.
- Sadri, S. R., Buzzelli, N. R., Gentile, P., & Billings, A. C. (2021). Sports journalism content when no sports occur: Framing athletics amidst the COVID-19 international pandemic. *Communication & Sport*, 10(3), 493-516. <https://doi.org/jpkd>
- Saleh, M. S. M., Omar, B., & Balaraman, R. A. (2021). *Anatomi wartawan kontemporari di Malaysia*. Penerbit USM.
- Salzmann, A., Guribye, F., & Gynnild, A. (2020). "We in the mojo community" – Exploring a global network of mobile journalists. *Journalism Practice*, 15(5), 620-637. <https://doi.org/10.1080/17512786.2020.1742772>
- Shoemaker, P. J., & Reese, S. D. (2013). *Mediating the message in the 21st century: A media sociology perspective*. Routledge.
- Soh, N. A. C. (2021). Keutuhan wacana dalam infografik Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung pandemik Covid-19 menerusi Instagram Berita Harian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(2), 83-97. <https://doi.org/jpkg>
- Thompson, E. E. (2019). Communicating a Health Risk/Crisis: Exploring the experiences of journalists covering a proximate epidemic. *Science Communication*, 41(6), 707-731. <https://doi.org/10.1177/1075547019878875>
- Zakaria, S. M., & Tauhaid, N. S. M. (2018). Cabaran membesarkan anak-anak autisme daripada perspektif ibu. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1), 58-71.